

# Di Mana Tempat Perlindungan Generasi Muslim

(Oleh Al-Ustaz Yusuf al-Azam)

Sebagai satu siri baru di bidang makalah-makalah agama, maka mulai dari bilangan ini majalah Qalam dengan bangganya menghadirkan makalah yang bermutu ini dengan cara bersambung-sambung (bersiri-siri) untuk menggantikan tempat makalah “Islam Di Antara Kejahilan Pemeluknya Dan Kelemahan Ulamanya” yang telah tamat kita siarkan sebanyak 15 siri itu.

Makalah yang bermutu tinggi ini ditulis oleh al-Ustaz Yusuf al-Azam seorang penulis dan ahli fikir Islam yang terkemuka di Kuwait. Makalah ini dikirim khas oleh Kementerian Wakaf dan Kebajikan Islam kerajaan Kuwait untuk diterjemah dan disiarkan di ruangan majalah Qalam. Semoga ada manfaatnya bagi masyarakat Islam di tanah air kita yang sedang menghadapi cabaran zaman serba moden ini – Pengarang.

Terjemahan bebas oleh: Azmi

## Di Mana Tempat Perlindungan Generasi Muslim?

Suatu soalan yang meragukan ibu bapa dan pada pendidik Islam di zaman ni! Tidak seorang pun di antara mereka yang mengetahui di mana letaknya jawapan sebenarnya dari soalan yang membingungkan ini dan di penjuru dunia mana jawapan atas soalan ini dapat dicari? Adakah ini suatu soalan yang mendebarakan perasaan . . . atau suatu soalan yang membawa kepada penyesalan . . . atau suatu soalan yang menambahkan penderitaan batin . . . atau suatu soalan yang menyebabkan seseorang itu menangis . . . atau pun suatu soalan yang mencetuskan penderitaan jiwa/

Suatu hakikat pahit yang bukan lencongan dan palsu mesti dihadapi oleh ibu bapa dan pada pendidik untuk mencari jawapan yang hakiki mengenai soal ini. Sebelum daripada soalan ini dapat dijawab, maka banyaklah fikiran-fikiran yang mesti

diperas, banyaklah masalah-masalah yang mesti dianalisa dan banyaklah perkara yang mesti dikaji, lantaran soalan ini tak mungkin dijawab hanya dengan menggunakan fikiran sepintas lalu tanpa analisa dan tanpa kajian. Di sebalik soalan ini adalah mengandungi tujuan-tujuan “*al-balāghah fī al-jumlat al-istifhāmīyah*”. Yang tidak boleh difahami dengan erti yang satu dan makna yang tunggal, tetapi ia mengandungi jawapan-jawapan yang bersimpang siur dan berlaku-liku di dalam segenap bidang pemikiran, tetapi suatu jawapan yang hakiki, benar dan tegas mestilah dicari untuk merombak segala kesulitan, untuk menghilangkan segala keraguan yang terkandung di dalam soalan yang seberat ini.

Dari sinilah mula timbulnya perasaan pahit getir, penderitaan jiwa, kesedihan dan penyesalan untuk mencari suatu jawapan yang hakiki mengenai soalan tersebut, tetapi liku-liku lipatnya mengandungi erti kata-erti kata yang harus diusahakan untuk

dikaji dan dianalisa dengan sedalam-dalamnya. Seperti mana keadaan seorang manusia, bila mana ia merasa lapar, maka ia mestilah mencari makanan untuk mengenyangkan perutnya, kalau ia merasa dahaga, ia mesti mencari air untuk menghilangkan rasa hausnya, ketika ia merasa kesejukan ia mesti mencari api untuk berdiang memanaskan tubuhnya dan ketika ia berada di dalam satu tempat yang gelap-gelita ia mesti berusaha berjalan meraba-raba dengan lebih berhati-hati mencari cahaya demi untuk melepaskan diri daripada jurang kegelapan yang membahayakan keselamatannya itu . . . begitulah pulalah hendaknya kita orang-orang Islam yang sedang hidup di zaman moden ini ini<sup>1</sup> mestilah berusaha dengan giat untuk mencari jawapan yang hakiki untuk memecahkan soalan yang sedang memesongkan kepala dan membingungkan otak dalam menghadapi soal pendidikan generasi Muslim yang terdiri daripada anak-anak anggota masyarakat kita yang sedang hidup

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan ini.

## Di mana Tempat Perlindungan . . ?

dalam sebuah dunia bebas yang penuh dengan 1001 macam pancaroba, duri dan onak yang mengancam masa depan generasi Muslim kita di masa yang akan datang. Soal inilah yang mesti dipecahkan dan pertanyaan inilah yang mesti dijawab demi untuk melepaskan generasi Muslim kita daripada terceburlah ke dalam gaung tamadun Barat yang akan meruntuhkan akhlak dan moral anak-anak generasi Muslim kita, yang akan memesongkan iman dan iktikad mereka daripada ajaran-ajaran agama yang sebenarnya, agama yang akan menyelamatkan mereka daripada lubang kesesatan yang terang nyata.

Ada pun perkataan perlindungan itu apa yang dimaksudkan dengannya . . dan apa yang saya kehendaki di dalam tulisan-tulisan ini? Silalah ikuti kajian ini . . saya mulai dengan kajian yang pertama dari erti kata perlindungan dalam soal kejadian manusia!

Sebagai titik permulaan bagi mengkaji asal usul kejadian manusia – selepas Adam dan Hawa – ialah memperkatakan tentang air mani sebagaimana yang digambarkan oleh Tuhan di dalam kitab suci al-Qur’ān ialah air yang tumpah yang keluar dari orang yang jadi tulang punggung (lelaki) dan orang yang berdukuh (perempuan) – **“mā’i dāfiq yakhruju min bayni al-ṣulbi wa al-tarā’ib”**. Kemudian daripada percampuran air mani lelaki dan perempuan itu, dijadikan segumpal darah dan daripada darah itu dijadikan

seketul daging dan dari daging itu dijadikan tulang, dan tulang itu dibungkus pula dengan daging, kemudian dijadikan sebuah lembaga yang berbentuk manusia yang sempurna dan cukup lengkap sifat-sifatnya, dan kemudian sekali baharulah diberikan roh atau nyawa.

Inilah suatu proses asal kejadian manusia (selepas Adam dan Hawa), sebagai mana yang telah diterangkan oleh Tuhan di dalam *Sūrah al-Mu’minūn* ayat (13, 14). Dari kejayan<sup>2</sup> inilah berkembang biaknya manusia di permukaan bumi ini. Setelah itu baharulah Tuhan mengutus manusia pilihannya yang dianggap manusia suci yang mempunyai tabiat luar biasa dan memiliki peribadi yang tinggi mulia dijadikan sebagai rasul-rasul pembawa agama Tuhan untuk memimpin seluruh manusia menuju ke arah jalan hidup bahagia dunia dan akhirat. Dari perkembangan-perkembangan agama yang dibawa oleh rasul-rasul dan utusan-utusan inilah manusia terbahagi kepada dua golongan:

Manusia yang percaya dan menerima ajaran-ajaran agama Allah yang disampaikan oleh rasul-rasul itu termasuklah mereka di dalam golongan manusia yang dinamakan “Muslim”.

Dan mana-mana manusia yang menolak dan mengingkarinya termasuklah mereka di dalam golongan manusia yang dinamakan “Kafir”.

[Sebagai seorang penulis Muslim di dalam makalah ini tentu sekali saya tidak akan membicarakan tentang soal manusia dari golongan “Kafir” kerana soal mereka itu tidak kena-mengena

dengan soal umat Islam . Tetapi yang akan saya kaji ialah mengenai soal manusia daripada golongan “Muslim” yang mana saya sebagai seorang Muslim – adalah mempunyai tanggungjawab untuk memperkatakan sesuatu mengenai mereka dari segala segi dan aspek].

Kembali kita memperkatakan soal yang mengenai asal kejadian manusia – yang saya maksudkan di sini ialah manusia Muslim – manusia yang telah mempercayai dan mahu menerima agama Allah yang dibawa oleh rasul-rasul yang diutus Tuhan ke alam dunia ini. Mereka dari suatu zaman ke suatu zaman berkembang biak, dari suatu masa ke suatu masa bilangan mereka bertambah ramai. Mereka mempunyai hak memproses kemajuan dunia yang dimiliki bersama oleh manusia “Muslim” dan manusia “Kafir”. Kita berasa bangga kerana zaman-zaman yang lampau itu manusia “Muslim” dapat mengatasi manusia “Kafir” di dalam segala segi lapangan hidup. Mereka dan keluarga mereka mendapat perlindungan dari Tuhan, hidup di dalam suasana yang aman makmur, segenap jiwa dan hati sentiasa riang gembira hidup di dalam alam yang menyerupai “syurga dunia” bagi mereka. Ini adalah hasil dari ketabahan mereka menempuhi manis maung dan pahit getir hidup di maya pada ini dan inilah yang dinamakan perlindungan yang telah dikurniakan Tuhan kepada manusia Muslim itu . . . tetapi di manakah perginya “perlindungan” itu sekarang? mengapakah Tuhan tidak memberikan perlindungannya kepada “generasi Muslim” di zaman ini? Sedang perlindungan dari Tuhan itu sangat diperlukan dan sangat

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah kejadian.

## Di mana Tempat Perlindungan . . ?

dihajati oleh “generasi Muslim” untuk menghadapi cabaran zaman di dalam sebuah dunia yang dikatakan serba maju dan serba moden ini.

“Perlindungan Tuhan” itulah yang menjadi tiang suri bagi

“generasi Muslim” hari ini menegakkan suatu masyarakat hidup mereka yang teguh dan konkrit.

“Perlindungan Tuhan” inilah yang menjadi jantung kepada “generasi Muslim” di zaman ini. Dengan sebab ketiadaan tiang suri itulah

masyarakat yang mereka bina menjadi goyang dan dengan sebab ketiadaan jantung inilah keadaan mereka menjadi lemah tak berdaya ibarat kata pepatah:

“Hidup segan mati tak mahu.”

*“Takhīrū linutfakum fa’inna al-araqa dasāsa”* – maksudnya: Pilihlah (tapislah) air mani kamu (asal keturunan) kamu, kerana sesungguhnya akhlak (budi pekerti) seorang bapa itu ada perkaitannya dengan akhlak anak-anak.

Hadis ini maknanya cukup jelas, menurutkannya cukup senang dan maknanya mudah meresap ke dalam jiwa kita, tetapi untuk mengamalkannya, untuk mempraktikkan maksud dan tujuannya dan untuk menyesuaikan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya – dengan keadaan masyarakat di zaman ini – inilah suatu perkara yang melemahkan “generasi Muslim” di hari ini untuk mengikutinya. “Generasi Muslim” di masa ini hanya tinggal nama, tinggal jasad yang tidak bermaya,

ibarat sebuah gambar lukisan yang mati beku tak bergerak. Sekarang kita kembali bertanya: Di manakah terletakinya tempat perlindungan “generasi Muslim” yang hidup di zaman Sputnik ini? Di tangan siapakah perlindungan yang mereka cari-cari itu berada?

Jawabnya: selain daripada Allah, ia terletak di tangan seorang isteri atau lebih tegas lagi di tangan seorang “ibu yang salehah,” ia terletak di dalam sebuah rumah yang disinari oleh cahaya iman yang dipancari nur Islam di segenap ruangan dan penjuruannya. Bagaimana pula dengan rumah yang didiami oleh seorang bapa yang berpuasa tetapi tidak sembahyang? – kerana puasa itu sudah menjadi suatu adat kebiasaan yang dilakukannya pada setiap tahun – dan bagaimana pula dengan rumah yang didiami oleh seorang ibu yang sembahyang sedang si bapa tidak tahu jalan menuju ke masjid? Adakah “perlindungan” yang dicari-cari oleh “generasi Muslim” itu berada di dalam kedua-dua rumah tersebut? Atau adakah tempat perlindungan yang dicari-cari selama ini ada didapati di samping satu keluarga yang hidup ala Barat pada pakaian, pada makanan, pada gerak-geri dan pada tingkah lakunya? Di rumahnya berkumandang nyanyian-nyanyian biadab berirama asmara yang menggoncang iman di dada, di segenap temboknya bergantung gambar-gambar lucah yang menggiurkan nafsu, di dalam almari perhiasan bilik tetamunya bersusun botol-botol arak dan gelas-gelas berkaki bangau, sedang di dalam seluruh jasadnya mengalir darah yang sumber terbitannya daripada makanan-makanan haram yang dilarang oleh agamanya?

Atau boleh jadi “tempat perlindungan” yang dicari-cari oleh ibu bapa dan para pendidik “generasi Muslim” itu didapati di dalam sebuah rumah yang penghuninya terdiri daripada para alim-ulama yang sentiasa berdiri di barisan pertama di dalam masjid, sedang isterinya duduk di barisan pertama di panggung-panggung wayang dan di kedai-kedai mengkerinting rambut?

Atau salah seorang daripada kita bertemu dengan “tempat perlindungan” yang diidam-idamkan itu di dalam satu keluarga yang berpegang teguh kepada adat-adat suku bangsa yang karut-marut yang dipusakainya dari sejak turun-temurun dengan menyangka bahawa adat-adat karut itu datangnya daripada ajaran-ajaran Islam? Di mana dari keluarga itulah terdidiknya generasi Muslim angkatan baru – dalam suasana yang beginilah anak-anak mereka menghadapi masalah-masalah hidup yang tidak berkeputusan, melanda gelombang hidup yang tidak berpedoman terhumbang-hambing ke sana dan ke mari!

Atau adakah dijumpai “tempat perlindungan” itu di dalam sebuah masyarakat kampung yang penduduk-penduduknya tidak berilmu pengetahuan, tidak tahu memperbezakan di antara ilmu dengan agama. Hidup mereka hanya berpandukan adat tradisi yang mereka pusakai dari datuk nenek mereka turun-temurun yang jauh menyelubung dari dasar-dasar ilmu pengetahuan dan terkeluar pula dari konsep-konsep agama yang mereka sendiri menganutinya.

Inilah suatu pukulan hebat yang menimpa masyarakat Islam hari ini di mana hidup beratus juta kaum

## Di mana Tempat Perlindungan . . ?

Muslimin di bawah cabaran zaman yang yang<sup>3</sup> berdasarkan kebendaan, zaman atom yang menyelewengkan dasar ilmu pengetahuan, yaitu suatu zaman yang malang kepada “generasi Muslim” angkatan baru, zaman yang membelakangkan ajaran-ajaran Allah, zaman yang menodai risalah yang dibawa oleh Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Zaman yang menjerumuskan “generasi Muslim” ke lembah kehinaan hidup di dunia, menceburkan mereka ke pintu neraka di hari akhirat. Inilah yang sangat membimbangkan kedua ibu bapa, mencemaskan para pendidik.

Risalah Tuhan diketepikan, ayat-ayat suci tidak lagi berkumandang dari rumah-rumah orang Islam, risalah syaitan datang mengganti, suara-suara

nyanyian menggiur syahwat melaung-laung kedengaran di sepanjang hari membawa ke malam. Tegasnya rumah-rumah orang Islam di zaman ini sudah tidak ada lagi bercorak keislaman, sama ada dari segi pakaian, masakan, makan minum dan pergaulan sehari-hari. Dengan tidak mereka sedari corak hidup mereka sudah berbentuk ala Barat. Ini memang sudah lama dirancang dengan secara diam-diam oleh musuh-musuh Islam untuk mempengaruhi jiwa “generasi Muslim” angkatan baru melalui lapangan pendidikan, kesenian, kebudayaan dan pergaulan. Sungguh pun pengaruh-pengaruh Barat itu tidak mereka salurkan dengan melalui lapangan-lapangan tersebut di atas, mereka sedikit demi sedikit sudah dapat meruntuhkan akhlak dan moral “generasi Muslim” dan menyelewengkan fahaman-fahaman agama yang merela


anuti. Sehingga pada masa-masa yang akhir ini ada di antara mereka berani mengeluarkan pendapat-pendapat mereka dengan mengatakan ajaran-ajaran yang dibawa oleh Islam itu sudah lapuk, hanya sesuai untuk dijalan dan diamalkan di zaman kuno sahaja.

Inilah pengaruh-pengaruh Barat yang telah mulai meresap masuk ke dalam jiwa “generasi Muslim” yang menamakan diri mereka “generasi angkatan baru” itu. Dengan sebab inilah “generasi Muslim angkatan baru” itu, kini telah kehilangan “tempat perlindungan” yang akan melindungi mereka daripada pengaruh-pengaruh Barat yang sangat berlawanan dan bertentangan dengan dasar-dasar ilmu pengetahuan yang dibawa oleh Islam.

Mudah-mudahan dengan segala apa yang telah kita bentangkan di atas adalah menjadi suatu perintis jalan bagi kita mencari suatu jawapan yang tepat dan hakiki daripada soalan yang telah kita jadikan tajuk makalah ini. Kita akan terus mencari perlindungan “generasi Muslim angkatan baru” bagi menyelamatkan mereka dari tercebur ke dalam lembah kesesatan yang akan merugikan masyarakat Islam di hari ini.

[Untuk mengupas soal ini lebih lanjut tunggulah majalah Qalam bilangan yang akan datang!]

(Bersambung)



Seni tulis adalah salah satu mata pelajaran yang dipelajari oleh penuntut-penuntut sekolah menengah di Saudi Arabia. Dalam gambar ini kelihatan dua orang murid sedang asyik belajar menekat “kalimah *al-tawhīd*” di atas sekeping kain untuk dijadikan perhiasan di dinding-dinding rumah orang Islam di negeri itu.

<sup>3</sup> Pengulangan perkataan yang.